

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan Seni Reka Tanda 1 7401/1 mengandungi lima belas soalan subjektif yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Calon wajib menjawab ke semua soalan bagi setiap bahagian. Peruntukkan masa ialah 2 ½ jam. Pembahagian soalan adalah seperti berikut :

- Bahagian A Mengandungi sepuluh soalan subjektif yang merupakan soalan aras rendah yang memerlukan calon menyatakan prosedur kerja berdasarkan eviden pengetahuan mereka.
- Bahagian B Mengandungi tiga soalan subjektif merupakan soalan aras sederhana yang memerlukan calon mengaplikasikan eviden pengetahuan mereka.
- Bahagian C Mengandungi dua soalan subjektif merupakan soalan aras tinggi yang memerlukan kreativiti calon berdasarkan eviden pengetahuan mereka.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi keseluruhan calon adalah pada tahap sederhana. Calon boleh menjawab soalan mengikut kehendak soalan. Calon juga telah dapat membuktikan kemampuan mereka menjawab soalan berdasarkan evidens pengetahuan mereka terutamanya soalan yang berbentuk gambar rajah dan padanan. Walau bagaimanapun bilangan calon yang memperolehi markah maksimum adalah kurang. Terdapat beberapa faktor yang mendorong calon tidak mendapat markah maksimum antaranya adalah seperti jawapan yang dinyatakan agak terlalu umum dan tidak menepati kehendak soalan. Susunan langkah kerja tidak tersusun dan tidak mengikut keutamaan. Jawapan juga berulang-ulang. Calon juga gagal menjawab soalan berbentuk struktur dan esei dengan baik. Ini disebabkan calon gagal menguasai kemahiran membaca dan menulis. Walaupun struktur ayat dan ejaan tidak diambil kira dan dinilai tetapi sedikit sebanyak ia menjadi kekangan kepada calon semasa meluahkan jawapan dengan tepat. Terdapat juga calon yang menggunakan istilah yang kurang tepat dan menggunakan dialek atau istilah kedaerahan yang menyukarkan pemeriksa untuk memahami maksud jawapan calon.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Calon memahami kehendak soalan dengan mengemukakan Isi yang relevan dan bertepatan dengan peraturan pemarkahan. Jawapan calon menunjukkan calon benar-benar faham dan berpengalaman dalam melaksanakan modul pengajaran dan pembelajaran dan modul pentaksiran. Bagi soalan yang memerlukan format, calon dapat mengemukakan format yang lengkap dan menepati peraturan pemarkahan. Asas seni reka tanda dan kreativiti dapat diperlihatkan dengan jelas dalam soalan yang memerlukan lakaran.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon memahami kehendak soalan tetapi mengemukakan isi yang terhad, umum dan berulang. Jawapan calon menunjukkan calon kurang berpengalaman dalam melaksanakan modul Pengajaran dan Pembelajaran dan modul Pentaksiran. Susunan langkah kerja tidak teratur dan kabur kerana penguasaan bahasa yang lemah. Bagi soalan yang memerlukan

format, calon tidak dapat mengemukakan format dengan lengkap. Walau bagaimanapun unsur kreativiti dan unsur seni reka tanda masih dapat diperlihatkan dalam jawapan soalan yang memerlukan lakaran atau ilustrasi.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan-soalan bergambar rajah, soalan berbentuk padanan, menyusun semula langkah kerja dan lakaran pada bahagian A. Namun begitu, calon gagal dalam menjawab soalan-soalan yang berbentuk struktur dan esei. Calon tidak memahami kehendak soalan-soalan terutama bahagian B dan C. Walaupun calon cuba menjawab soalan berikut tetapi gagal menyampaikan maksud dengan jelas kerana tidak menguasai istilah dan penguasaan bahasa yang lemah. Kebanyakan calon tidak menjawab bahagian B dan C. Namun begitu, terdapat segelintir calon cuba menjawab bahagian ini tetapi tidak mendapat skor yang baik.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A

Soalan 1

Pada keseluruhannya calon boleh menyatakan lima bentuk logo yang sesuai untuk kedai menjual alatan sukan. Barangkali mereka menjawab berdasarkan pengalaman dan kefahaman mereka terhadap penggunaan logo. Walau bagaimana pun, terdapat sebahagian juga calon yang menanda ke semua jawapan betul dan salah. Ada kemungkinan calon berkenaan kurang berkemahiran dalam membaca dan memahami kehendak soalan. Terdapat sebilangan kecil calon yang menanda satu jawapan sahaja atau menanda lebih daripada lima jawapan yang betul. Calon sepatutnya menanda (\surd) pada lima jawapan yang betul daripada lapan jawapan yang diberi pada kotak yang disediakan.

Soalan 2a

Pada keseluruhan calon boleh menyatakan empat prosedur yang dilakukan sebelum kerja semburan cat dibuat dalam kerja-kerja membuat papan tanda perspek. Calon menjawab berdasarkan pengalaman mereka membuat papan tanda perspek. Tetapi terdapat juga calon yang menyatakan prosedur selepas kerja semburan cat. Ini menyebabkan jawapan mereka terkeluar daripada kehendak soalan. Pada umumnya kesilapan yang sering dilakukan dalam menjawab soalan ialah menyatakan prosedur yang dilakukan sebelum kerja semburan cat dibuat dalam kerja-kerja membuat papan tanda perspek menggunakan tampalan vinil. Calon keliru di antara prosedur membuat papan tanda perspek dengan membuat papan tanda semburan cat. Walau pun prosedur kedua-dua kerja tersebut seakan sama tetapi penggunaan alatan dan bahan adalah berlainan. Calon sepatutnya menyatakan empat prosedur yang dilakukan sebelum kerja semburan cat dibuat dalam kerja-kerja membuat papan tanda perspek.

Soalan 2b

Majoriti calon sederhana dan cemerlang boleh menyatakan jarak melakukan semburan cat dengan tepat dan jelas. Walau bagaimanapun terdapat calon yang memberikan dua jawapan yang bercanggah. Pada umumnya ukuran yang diberi tidak sesuai. Ada juga di antara calon menggunakan unit yang tidak munasabah seperti dalam unit kilometer atau tidak

menyatakan langsung unit ukuran yang digunakan. Calon dikehendaki menyatakan anggaran jarak yang sesuai di antara semburan dengan penal benda kerja.

Soalan 3

Hampir keseluruhan calon boleh memadamkan imej yang dihasilkan dari OHP dengan kerja pelarasannya dengan betul. Hanya sebilangan kecil sahaja calon yang gagal memadamkan imej dengan betul. Ini menunjukkan bahawa hanya calon yang pernah menggunakan OHP semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran dapat menjawab soalan ini dengan betul. Calon tidak dapat membezakan hasil imej OHP samada jarak OHP terlalu dekat atau jauh dan imej diunjurkan tidak bersudut tepat (90°) pada skrin. Calon sepatutnya menyatakan hasil imej yang tepat dengan penyelarasannya. Contohnya imej D dan J ialah untuk pelarasan jarak OHP dengan kain rentang terlalu dekat atau jauh.

Soalan 4

Kebanyakan calon dapat menyusun semula lima langkah memindahkan vinil mengikut urutan yang betul tetapi terdapat juga segelintir calon yang gagal menyusun mengikut urutan yang dikehendaki. Calon menyusun lima langkah kerja tanpa mengambil kira perkataan "Kerja-kerja memindahkan vinil". Ini menyebabkan mereka menyusun langkah kerja sebelum atau selepas proses memindahkan vinil. Calon sepatutnya menyusun lima langkah memindahkan vinil mengikut urutan yang betul.

Soalan 5

Calon cemerlang dapat menyatakan hasil semburan cat bagi ketiga-tiga jarak mengikut rajah yang diberi dengan tepat. Calon yang tidak mengalami proses ini di dalam Pengajaran dan Pembelajaran tidak dapat menyatakan hasil semburan dengan tepat. Calon hanya membuat andaian rambang sahaja. Di antara kesilapan calon ialah memberi jawapan secara terbalik, istilah atau dialek daerah kerap digunakan, calon menyatakan jarak semburan sahaja dan bukan hasil semburan dan menyatakan hasil semburan secara umum. Menyatakan secara ringkas hasil semburan cat pada permukaan A, B dan C berdasarkan rajah yang diberi.

Soalan 6

Calon yang berperastasi tinggi dapat menyatakan lima langkah keselamatan diri yang diamalkan semasa melakukan semburan tin dengan baik. Terdapat juga calon mengulang langkah keselamatan diri yang sama menyebabkan skor yang diterima kurang. Segelintir calon tidak menyatakan langkah keselamatan diri tetapi menyatakan langkah keselamatan bahan dan alat. Calon sering mengulang langkah keselamatan diri, menyatakan langkah keselamatan bahan dan alat, ayat tidak lengkap dan menyenaraikan langkah secara umum. Calon perlu menyatakan lima langkah utama keselamatan diri semasa menyembur cat tin.

Soalan 7a

Hanya calon cemerlang sahaja yang dapat menyatakan proses mendedahkan imej ke atas skrin foto emulsi dengan betul. Ini berkemungkinan calon memberi jawapan berdasarkan pengalaman yang dilalui semasa Pengajaran dan Pembelajaran di sekolah. Manakala sebahagian calon menyatakan samada proses sebelum atau selepas mendedahkan imej seperti proses menyapu foto emulsi ke atas skrin atau pun proses mencetak imej ke atas fabrik. Calon sepatutnya menyatakan proses semasa mendedahkan imej ke atas skrin foto emulsi.

Soalan 7b

Keseluruhan calon dapat menyatakan dua kaedah membersihkan skrin sutera dengan betul. Hanya sebilangan kecil calon yang keliru di antara kaedah membersihkan skrin dengan kaedah menanggalkan imej daripada skrin. Calon menyatakan kaedah menanggalkan imej dari skrin menggunakan peluntur seperti Clorox, thinner dan sebagainya. Calon sepatutnya menyatakan kaedah bagaimana membersihkan skrin sutera selepas proses mencetak imej.

Soalan 8

Hampir keseluruhan calon dapat membezakan di antara alat dan bahan yang digunakan untuk menyiapkan kerangka cetakan skrin dengan betul tetapi keliru mengenai fungsi dan cara penggunaan alat yang betul. Ini mungkin disebabkan calon tidak didedahkan bagaimana cara menggunakan alat yang betul. Calon menyatakan fungsi alat seperti tukul digunakan untuk mengetuk paku. Calon sepatutnya menyatakan cara menggunakan alat (tukul) seperti pegang hulu tukul dengan kuat atau kemas semasa mengetuk paku.

Soalan 9

Sebilangan kecil calon dapat menyatakan lima langkah menghasilkan papan tanda perspek yang mempunyai tiga warna berbeza. Manakala sebahagian besar calon hanya menyatakan langkah bagaimana untuk menghasilkan papan tanda perspek secara umum. Ini mungkin disebabkan calon mengabaikan perkataan 'tiga warna berbeza' seperti yang terkandung di dalam soalan. Calon menyatakan langkah kerja menghasilkan papan tanda perspek yang hanya mempunyai satu warna sahaja. Calon sepatutnya menyatakan langkah kerja bagaimana menyembur cat ke atas perspek mengikut tiga warna berbeza secara satu persatu.

Soalan 10

Majoriti calon dapat menyatakan lima kemungkinan mengapa lampu pendarflour tidak boleh menyala dengan betul. Namun begitu terdapat sebilangan kecil calon yang tidak dapat membezakan di antara lampu pendarflour dengan tiub pendarflour. Ada juga calon yang menyatakan kemungkinan yang sama secara berulang-ulang. Calon menyatakan lampu pendarflour rosak atau tidak berfungsi sedangkan lampu pendarflour merupakan set lampu yang salah satu komponennya ialah tiub pendarflour. Calon menyatakan kemungkinan yang sama secara berulang-ulang seperti pendawaian tidak dipasang dengan betul, wayar tersalah pasang, wayar dipasang tidak kemas dan sebagainya. Calon sepatutnya menyatakan kemungkinan lampu pendarflour tidak menyala disebabkan komponen-komponen di dalam set lampu tersebut seperti tiub pendarflour, ballast, starter dan sebagainya yang rosak atau gagal berfungsi. Calon sepatutnya menyatakan hanya satu kemungkinan yang berkaitan dengan pendawaian atau wayar.

Bahagian B

Soalan 1

Hanya segelintir calon sahaja yang dapat menerangkan dengan betul kaedah menyiapkan sepuluh helai kain rentang dengan mudah dan cepat. Calon yang selebihnya tidak dapat menerangkan kaedah ini dengan betul. Ini mungkin disebabkan mereka telah mengabaikan kata tugas 'mudah dan cepat' seperti yang terkandung dalam soalan. Calon hanya menerangkan kaedah asas penghasilan sehelai kain rentang sahaja iaitu melukis di atas kain dan diwarnakan secara manual. Calon sepatutnya menerangkan kaedah-kaedah

menghasilkan sepuluh helai kain rentang dengan mudah dan cepat menggunakan kaedah OHP, huruf stensil dan huruf cetakan komputer dan boleh ditekapkan kepada sembilan helai kain rentang yang lain.

Soalan 2

Calon cemerlang dan sederhana dapat menerangkan langkah-langkah pemotongan vinil menggunakan pemotong vinil dengan baik. Walau bagaimanapun istilah pemotong vinil bagi calon berprestasi rendah agak kabur dan ramai di antara mereka menyenaraikan langkah pemotongan vinil secara manual dengan menggunakan pisau pemotong vinil. Kebanyakan calon tidak memfokuskan jawapan kepada langkah-langkah pemotongan vinil tetapi menyenaraikan keseluruhan langkah-langkah untuk menyiapkan logo tersebut. Sepatutnya calon mengenalpasti dulu alat pemotong vinil (plotter) dalam CAS yang dimaksudkan oleh soalan kerana ianya berkehendakkan calon menyenaraikan langkah-langkah pemotongan vinil dengan menggunakan perkakasan tersebut sahaja.

Soalan 3

Calon yang berprestasi tinggi dapat melakarkan dengan baiknya dua blok cetakan skrin yang menepati kriteria logo yang dikehendaki oleh soalan ini. Namun terdapat juga calon yang tidak memahami langsung konsep cetakan skrin berdasarkan lakaran jawapan mereka yang tidak tepat bagi menghasilkan cetakan logo seperti kehendak soalan. Kebanyakan calon melakarkan hanya satu blok cetakan sahaja. Walaupun dua lakaran blok cetakan dibuat tetapi mereka mengulang imej yang sama dan kadangkala imej yang dilakarkan itu terbalik. Ada juga segelintir calon yang tidak dapat membezakan hasil warna cetakan dengan menghitamkan imej yang salah. Soalan ini berkehendakkan calon menghasilkan dua lakaran blok cetakan skrin yang menepati kriteria logo yang diberi. Lakaran mestilah relevan dengan hasil logo berdasarkan warna, rupa dan tema.

Bahagian C

Soalan 1

Calon yang cemerlang dengan mudah dapat menyediakan satu format jadual kerja yang lengkap dan terancang dari segi susunan aktiviti dan lorekan bilangan hari untuk menjalankan aktiviti tersebut. Namun masih ada calon di peringkat prestasi sederhana dan rendah yang menjawab dengan tidak mengikut format jadual kerja yang dikehendaki tetapi menulis jawapan mereka dalam bentuk esei panjang. Calon dapat menyenaraikan lebih dari lima langkah aktiviti tetapi sebenarnya mereka hanya mengulangi aktiviti yang sama dan tidak berapa penting. Ruang untuk hari di mana aktiviti dijalankan tidak mencukupi selama 10 hari dan lorekan yang dibuat tidak relevan dengan jenis aktiviti yang dijalankan. Calon harus menjawab soalan ini dalam bentuk format yang standard dan lengkap supaya perancangan kerja nampak lebih rapi dan sistematik. Senarai aktiviti pula haruslah berurutan serta relevan dengan bilangan hari perlaksanaannya.

Soalan 2

Majoriti calon menjawab soalan ini dengan mendapat skor yang baik. Calon dapat mengaplikasikan asas seni reka tanda dan kreativiti dalam lakaran jawapan. Namun terdapat juga segelintir calon yang kurang menekankan aplikasi asas seni reka tanda dan kreativiti dalam lakaran jawapan mereka dengan melakar reka bentuk dalam dua dimensi sahaja, reka bentuk kurang menarik, tidak menggunakan peralatan lukisan geometri asas, maklumat tidak lengkap, saiz rekaan terlalu kecil dan tidak menyertakan grafik yang sesuai. Calon

sepatutnya melakar dalam bentuk tiga dimensi dan reka bentuk mesti menekankan asas seni reka tanda dan kreativiti.

SARANAN KEPADA CALON

1. Membaca soalan berulang kali sebelum memberikan jawapan.
2. Memberi jawapan mengikut keutamaan kehendak soalan semasa menyenaraikan langkah kerja.
3. Mengelakkan daripada memberi jawapan menggunakan istilah dalam dialek daerah atau negeri.
4. Mengelakkan daripada memberikan jawapan terlalu ringkas sehingga menjejaskan maksud apa yang hendak disampaikan.
5. Mengambil masa dan mengingat kembali proses atau langkah kerja ketika membuat kerja amali di bengkel.
6. Menjawab semua soalan yang diberi dengan berhati-hati.
7. Mengelak dari menjawab dalam bentuk esei sebaliknya gunakan system "point form"

SARANAN KEPADA GURU

1. Memastikan modul Pengajaran dan Pembelajaran dihabiskan dahulu sebelum modul pentaksiran dibuat.
2. Menyenaraikan aktiviti mengikut keutamaan bagi mengelakkan aktiviti sampingan atau sub aktiviti disenaraikan oleh calon.
3. Menekankan kepentingan format yang lengkap dan relevan kepada calon agar calon dapat mengenalpasti bentuk soalan yang memerlukan jawapan dalam format tertentu semasa peperiksaan.
4. Tidak menggunakan istilah atau dialek daerah semasa pengajaran sebaliknya menyeragamkan semua istilah dalam teknik, alatan dan bahan yang berkaitan mata pelajaran.
5. Memastikan calon dijelaskan tentang teknik dan kaedah asas merangkumi seluruh modul mata pelajaran supaya jawapan tepat dan tidak mengelirukan pemeriksa.
6. Menjadikan soalan SPM 2003 Seni Reka Tanda sebagai asas dalam memantapkan pengajaran dan menyediakan calon untuk menjawab soalan peperiksaan.
7. Menyarankan calon membawa peralatan/bahan yang diperlukan untuk menjawab soalan dengan lebih berkesan semasa menduduki peperiksaan.